

**NOTICE UNDER THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010**  
**NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010**

The Personal Data Protection Act 2010 (the "Act"), which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to Eastspring Investments Berhad ("our", "us" or "we"). For the purpose of this written notice ("Notice"), the terms "personal data" and "processing" shall have the same meaning as prescribed in the Act. We reserve the right to change any portion of this Notice from time to time.

*Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta" tersebut) yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, terpakai kepada Eastspring Investments Berhad ("kami"). Untuk tujuan notis bertulis ini ("Notis"), terma-terma "data peribadi" dan "pemprosesan" mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrif dalam Akta tersebut. Kami berhak melakukan sebarang perubahan di dalam Notis ini dari masa ke semasa.*

1. This Notice serves to inform you that your personal data is being processed by us or on our behalf for the purposes listed in clause no.3 below.

*Notis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh kami atau bagi pihak kami bagi tujuan yang disenaraikan di klausa no.3.*

2. In order to enable us to deal with your inquiries, open and operate an account/investment for you and/or to generally provide you with our products and services, we may need to and/or may be required to collect, record, hold, use, disclose and store (i.e. "process") personal information and financial information about you, including but not limited to:

*Untuk membolehkan kami mengendalikan pertanyaan anda, membuka dan mengoperasi akaun/pelaburan untuk anda dan/atau untuk secara amnya memberikan anda produk dan perkhidmatan kami, kami mungkin perlu dan/atau mungkin diperlukan untuk mengumpul, merekod, memegang, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan (iaitu "memproses") maklumat peribadi dan maklumat kewangan anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada:*

- (i) personal information to establish your identity and background;  
*maklumat peribadi untuk mengesahkan identiti dan latar belakang anda;*
- (ii) personal information to establish your financial standing, creditworthiness and/or suitability for any of our products/services applied for (if required); and/or  
*maklumat peribadi untuk mengesahkan kedudukan kewangan, kepercayaan kredit anda dan/atau kesesuaian untuk mana-mana produk/perkhidmatan yang dipohon; dan/atau*
- (iii) personal information that you provide when you apply for any of our products and services. Your personal data includes but not limited to (e.g. Name, NRIC No., Telephone No., E-mail Address, House Address, etc.) and all other personal data we again collect from you on any subsequent occasion.

*Maklumat peribadi yang anda berikan apabila anda memohon mana-mana produk dan perkhidmatan kami. Data peribadi anda termasuk dan tidak terhad kepada (contohnya, Nama, No. KP, No. Telefon, Alamat E-mel, Alamat Rumah, dsb.) dan semua data peribadi lain kami sekali lagi kumpul daripada anda pada bila-bila masa kemudiannya.*

3. Your personal data is being or is to be collected and further processed:

*Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya:*

- (a) to communicate with you including but not limited to notify you about benefits and changes to the features of our products and services and to administer offers, competitions and promotions;  
*untuk berhubung dengan anda serta untuk memberi notifikasi kepada anda mengenai manfaat dan perubahan kepada ciri-ciri produk dan perkhidmatan dan untuk mentadbir tawaran, pertandingan dan promosi;*
- (b) to provide services to you;  
*untuk memberi khidmat kepada anda;*
- (c) to respond to any of your inquiries;  
*untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan anda;*
- (d) to conduct internal activities including for audit, compliance and risk management purposes;  
*untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan dalaman termasuk untuk tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;*
- (e) to conduct market surveys and trend analysis;  
*untuk tinjauan pasaran dan analisis kecenderungan;*
- (f) to provide you with information on products and services of our and our related corporations;  
*untuk memberi anda maklumat tentang produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami dan perbadanan-perbadanan berkaitan kami;*
- (g) to manage and maintain your account(s) and/or investment(s) with us;  
*untuk mengurus dan mengekalkan akaun dan/atau pelaburan anda dengan kami;*
- (h) to better manage our business and your relationship with us including to understand your current and future investment needs and your financial situation;  
*untuk menguruskan perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami dengan lebih baik dan untuk memahami keperluan pelaburan anda yang semasa dan akan datang dan keadaan kewangan anda dengan lebih baik;*

- (i) to provide you with information on our and third party products, services and offers which may be of interest to you;  
*untuk menyediakan anda dengan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran kami serta pihak ketiga yang mungkin menarik minat anda;*
  - (j) to improve our products and services and to develop new products and services;  
*untuk memperbaiki produk dan perkhidmatan kami dan untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang baru;*
  - (k) to respond to your enquiries and complaints and to generally resolve disputes;  
*untuk membalas pertanyaan dan aduan anda dan secara amnya menyelesaikan pertikaian;*
  - (l) to assess your application(s)/request(s) for our products and services;  
*untuk menilai permohonan/permintaan anda untuk produk dan perkhidmatan kami;*
  - (m) to update, consolidate and improve the accuracy of our records;  
*untuk mengemas kini, menyatukan dan memperbaiki ketepatan rekod kami;*
  - (n) to transfer or assign our rights, interests and obligations under any of your agreements with us;  
*untuk memindahkan atau memberikan hak, kepentingan dan kewajipan kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;*
  - (o) to conduct anti-money laundering checks; for crime detection, prevention and prosecution; to comply with any sanction requirements;  
*untuk menjalankan pemeriksaan pencegahan pengubahan wang haram; untuk pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah; untuk mematuhi mana-mana syarat sanksi;*
  - (p) for any other purpose that is required or permitted by any law, regulations, guidelines and/or relevant regulatory authorities;  
*bagi apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa yang berkenaan;*
  - (q) for meeting the requirements to make disclosure under the requirements of any laws binding on and for the purposes of any guidelines issued by regulatory or other authorities with which Eastspring Investments Berhad or any of its branches and any of Eastspring Investments Berhad's holding companies, subsidiaries, affiliates, representatives are expected to comply;  
*bagi memenuhi keperluan untuk membuat pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang yang mengikat dan bagi maksud mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau lain-lain yang mana Eastspring Investments Berhad atau mana-mana cawangannya dan mana-mana syarikat Eastspring Investments Berhad induk, anak syarikat, sekutu, wakil-wakil yang dijangka akan mematuhi;*
  - (r) for the purpose of enforcing its legal rights and/or obtaining legal advice;  
*bagi tujuan menguatkuasakan hak-hak perundangan dan/atau mendapatkan nasihat undang-undang;*
  - (s) for other legitimate business activities; and/or  
*untuk kegiatan-kegiatan perniagaan sah yang lain; dan/atau*
  - (t) for such other purposes directly related to the foregoing;  
*bagi maksud-maksud lain yang berhubungan secara langsung dengan yang tersebut di atas;*
- (collectively, the "Purposes").  
*(secara kolektif, "Maksud-maksud" tersebut).*

4. We may obtain your personal data information from yourself or is to be collected from a variety of sources, including but not limited to:

*Kami boleh mendapatkan maklumat data peribadi anda daripada anda atau akan dikumpul daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:*

- (i) all application/registration forms, information that you may provide us, when using our products or services, when taking part in customer surveys, competitions and promotions, from time to time;  
*semua borang permohonan/pendaftaran, maklumat yang anda mungkin akan berikan kami, apabila menggunakan produk atau perkhidmatan kami, apabila mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, pertandingan dan promosi, dan semasa ulasan kewangan; dari masa ke semasa;*
- (ii) from third parties connected with you, such as employers, joint account holders, security providers, guarantors and indemnitors, and our authorized distributors/unit trust consultants, subject to your prior consent; and/or  
*daripada pihak ketiga berkaitan dengan anda, seperti majikan, pemegang akaun bersama, pemberi sekuriti/jaminan, penjamin dan indemnitor, tertakluk kepada persetujuan anda; dan/atau*
- (iii) from such other sources in respect of which you have given your consent to disclose information relating to you and/or where not otherwise restricted;  
*daripada apa jua sumber lain dari mana anda telah memberikan persetujuan anda untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan/atau di mana ia sebaliknya tidak dihadkan.*

5. You have the right to request access to and to request correction of your personal data and to contact us with any inquiries or complaints in respect of your personal data (including the possible choices and means for limiting the processing of your personal data or to cease or not begin processing your personal data for purposes of direct marketing) at:

*Anda berhak untuk meminta akses kepada dan meminta pembedulan terhadap data peribadi anda dan untuk menghubungi kami tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda (termasuk pilihan-pilihan dan cara-cara yang mungkin untuk menghadkan pemprosesan data peribadi anda atau untuk memberhentikan atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi anda bagi maksud pemasaran langsung) di:*

|   |                      |
|---|----------------------|
| Telephone No.:<br><i>No. Telefon:</i>   | 03-2052 3388         |
| Fax No:<br><i>No. Fax:</i>              | 03-2070 6129         |
| E-mail address:<br><i>Alamat E-mel:</i> | cs.my@eastspring.com |

6. Subject to provisions of the Act:

*Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta tersebut:*

- (i) you may, upon payment of a prescribed fee, make a data access request in writing to us; and  
*Anda boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, membuat suatu permintaan mengakses data secara bertulis kepada kami; dan*
- (ii) we may refuse to comply with a data access request or a data correction request and shall, by notice in writing, inform you of our refusal and the reasons of our refusal.  
*Kami boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data atau permintaan pembedulan data dan hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan anda mengenai keengganan tersebut dan sebab-sebab bagi keengganan tersebut.*

7. We disclose or may disclose your personal data to the following third parties for the above Purposes:

*Kami menzahirkan atau boleh menzahirkan data peribadi anda kepada pihak ketiga untuk Maksud-maksud diatas:*

- (i) Companies and/or organisations that act as our agents, affiliates, business partners, subsidiary(ies), shareholders and its related companies and/or professional advisers;  
*syarikat dan/atau organisasi yang bertindak sebagai agen, ahli gabungan, rakan perniagaan, anak-anak syarikat, pemegang saham dan syarikat bekaitannya dan/atau penasihat profesional;*
- (ii) companies and/or organisations (including but not limited to custodians, trustees, distributors, brokers) that assist us in processing and/or otherwise fulfilling transactions that you have requested;  
*syarikat dan/atau organisasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada penjaga, pemegang amanah, pengedar, broker) yang membantu kami dalam memproses dan/atau sebaliknya memenuhi transaksi yang anda minta;*
- (iii) companies and/or organisations that assist us in providing value added services that you have requested;  
*syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami dalam menyediakan perkhidmatan tambah nilai yang anda minta;*
- (iv) your advisers and/or agents (including but not limited to brokers, accountants, auditors, lawyers, financial advisers or other professional advisers) where authorised by you;  
*penasihat dan/atau agen anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada broker, akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan atau penasihat profesional yang lain) di mana kebenaran diberikan oleh anda;*
- (v) any other person notified by you as authorised to give instructions or to use the account(s)/investment(s) or products or services on your behalf;  
*mana-mana pihak lain yang anda telah memaklumkan kepada kami sebagai mempunyai kuasa untuk memberi arahan atau menggunakan akaun/pelaburan atau produk atau perkhidmatan bagi pihak anda;*
- (vi) any other agents and/or counterparties that we are required to provide such information to by any laws (including any regulations, guidelines and/or obligations) and/or court orders; and/or  
*mana-mana agen dan/atau kaunterparti yang kami perlu memberi maklumat sebegitu melalui mana-mana undang-undang (termasuk mana-mana peraturan, garis panduan dan/atau obligasi-obligasi) dan/atau perintah mahkamah; dan/atau*
- (vii) any person connected to the enforcement or preservation of any of our rights under your agreement(s) with us.  
*mana-mana pihak yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah perjanjian anda dengan kami.*

subject at all times to any laws (including regulations, guidelines and/or obligations) applicable to Eastspring Investments Berhad. The afore-mentioned third parties may in some instances be located outside of Malaysia.

*tertakluk pada setiap masa kepada undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) berkaitan dengan Eastspring Investments Berhad (sama ada di dalam atau di luar Malaysia). Pihak-pihak ketiga yang disebutkan di atas boleh dalam keadaan tertentu terletak di luar Malaysia.*

8. We may require your assistance if the personal data relating to other persons is required to process your personal data for the Purposes and you hereby agree to use your best endeavors to assist us when required.  
*Kami boleh menghendaki bantuan anda jika data peribadi yang berhubungan dengan orang lain dikehendaki untuk memproses data peribadi anda untuk Maksud-maksud tersebut dan anda dengan ini bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk membantu kami bila dikehendaki.*
9. It is obligatory that you supply us your personal data (for example in application forms or account opening forms),(collectively, “compulsory personal data”). If you fail to supply us the compulsory personal data, we may refuse to process your personal data for any of the above Purposes.  
*Ia adalah wajib untuk anda memberikan kepada kami (contohnya dalam borang permohonan atau borang pembukaan akaun) anda (secara kolektif, “data peribadi wajib”). Jika anda gagal untuk memberikan kami data peribadi wajib tersebut, kami boleh enggan untuk memproses data peribadi anda untuk mana-mana Maksud-maksud tersebut.*
10. We may transfer your personal data to a place outside Malaysia and you hereby give your consent to the transfer.  
*Kami boleh memindahkan data peribadi anda ke sesuatu tempat di luar Malaysia dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda terhadap pemindahan tersebut.*
11. You are responsible for ensuring that the information you provide us is accurate, complete, not misleading and is kept up to date.  
*Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.*
12. In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.  
*Sekiranya terdapat apa-apa ketidak-konsistenan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.*

---

**DECLARATION**  
**DEKLARASI**

To : Eastspring Investments Berhad  
*Kepada*

I hereby confirm receipt of your Notice under the Personal Data Protection Act 2010 and consent to the processing of my personal data in accordance with the said Notice.

*Saya dengan ini mengesahkan penerimaan Notis anda di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan bersetuju kepada pemprosesan data peribadi saya mengikut Notis tersebut.*

I also hereby (consent/do not consent) to the processing of my personal data for direct marketing purposes.

*Saya juga (bersetuju/tidak setuju) kepada pemprosesan data peribadi saya untuk tujuan pemasaran langsung.*

Name: .....  
*Nama*

NRIC No: .....  
*No. KP*

Signature: .....  
*Tandatangan*

Date: .....  
*Tarikh*